



## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### MESYUARAT MAJLIS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (MPKK) BILANGAN 2/2021

1. Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) telah mengadakan Mesyuarat Bilangan 2 bagi tahun 2021 bagi membincangkan strategi-strategi yang wajar dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan (TVET) secara komprehensif dengan sokongan semua pihak berkepentingan sama ada dalam sektor awam maupun swasta.
2. Antara isu-isu yang diberi perhatian utama adalah berkenaan penubuhan Jawatankuasa Kerja Tahfiz TVET sebagai usaha untuk memastikan kaedah pemerkasaan pengajaran tahfiz yang lebih sistematik, efisyen dan berinovasi serta produktif kepada negara agar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan; seterusnya melahirkan rakyat Malaysia yang seimbang dari segi intelek dan rohani.
3. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB Datuk Haji Awang Bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia diadakan secara sidang video melibatkan wakil Kerajaan, wakil akademik serta wakil industri berkaitan.
4. Sebanyak satu kertas pertimbangan dan dua kertas Makluman telah dibincangkan dalam mesyuarat pada kali ini iaitu kertas Pertimbangan Modul Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) / Standard Kompetensi Kebangsaan (NCS): *Social Security Administration*; Kertas Makluman Pembentangan Pencapaian Quick Win Jawatankuasa Kerja MPKK 2021; dan Kertas Makluman Penarafan Tunggal Program TVET.

5. Dalam pada itu, MPKK juga telah meluluskan sebanyak 14 Standard merangkumi lapan NOSS baharu dan enam NOSS yang dikaji semula. Sehingga kini, sejumlah 3,457 NOSS telah dibangunkan dengan 2,016 NOSS masih aktif sebagai rujukan utama dalam menentukan keperluan latihan TVET di Pusat Bertauliah awam dan swasta di seluruh negara.
6. MPKK akan terus memainkan peranannya dengan lebih berkesan sebagai teraju utama dalam usaha merealisasikan agenda transformasi negara dengan lebih menyeluruh agar menjadi negara maju berpendapatan tinggi seperti yang dihasratkan. Ia akan memberi manfaat kepada perkembangan sumber manusia berkemahiran negara seiring dengan matlamat negara mewujudkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Kementerian Sumber Manusia**  
**24 Jun 2021**  
**Putrajaya**